

## RM6 juta bantu golongan kurang mampu di Wilayah Persekutuan

Oleh Samadi Ahmad - April 8, 2022 @ 10:59am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, meninjau gerai jualan di Presint 3, semalam. - Foto NSTP/SAMADI AHMAD

PUTRAJAYA: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi membantu golongan kurang berkemampuan di Wilayah Persekutuan sehingga hujung tahun ini.

Menyerahnya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata ketika ini, golongan kurang berkemampuan mendapat bantuan daripada Pusat Agihan Zakat Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), namun jumlahnya masih rendah daripada kemiskinan tegar.

Beliau berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Kemiskinan yang berlangsung semalam sudah melaksanakan pemutihan data kemiskinan daripada 4,000 kepada 2,856 miskin tegar dan daripada jumlah itu, seramai 600 individu didapati tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak.

Katanya, berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pihaknya sudah menyalurkan bantuan kepada lebih 13,000 penerima.

"Kita mahu angka itu dibatalkan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) supaya KWP mendapat angka yang sebenar bagi memudahkan menyalurkan bantuan kepada mereka yang berpendapatan bulanan RM1,110 ke bawah," katanya kepada media pada Program Nur Ramadan Putrajaya Santuni Warga Kurang Berkemampuan di Dewan Seri Siantan Presint 3, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Program Nur Ramadan adalah antara program tahunan KWP dan PPj dalam menyantuni golongan memerlukan, selain memupuk nilai kasih sayang dan prihatin dalam kalangan komuniti Putrajaya dan Wilayah Persekutuan.

Seramai 200 penerima terdiri daripada anak yatim, warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) serta yang kurang berkemampuan menerima sumbangan wang tunai RM200 melalui peruntukan KWP dan Baitulmal MAIWP.

Pada program sama, peserta turut menerima sumbangan barang keperluan seperti periuk nasi, beras dan kurma dengan jumlah peruntukan sebanyak RM23,000.

Shahidan berkata, semua golongan miskin tegar di Wilayah Persekutuan akan dibantu dan pihaknya dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sifar miskin tegar seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui Paket Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL) Februari lalu.

Beliau berkata, PKKMKL mampu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang pantas secara dalam talian.

"KWP akan pastikan golongan miskin tegar bukan setakat menerima bantuan, malah berusaha mendapatkan sumber pendapatan lain dengan bekerja dari rumah. Kementerian juga akan mengadakan program ekonomi bagi menjana pendapatan golongan ini yang diadakan secara kerjasama dengan sebuah universiti tempatan yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Selain itu KWP turut menyediakan 1,000 kiosk kepada golongan muda bagi menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan dengan keutamaan diberikan kepada golongan B40," katanya.